



كمترین كبودايان بلية دان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

مِسَابَقَةِ تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ بِلِيَادِنِ كِبِيعَتِيَانَ

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN

PERINGKAT  
AKHIR

1443H/2022M

10 Zulkaedah 1443H/9 Jun 2022M

Dewan PM Dato Shariffuddin,  
Bangunan Arkib  
Negara Brunei Darussalam

مِسَابَقَةِ تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ بِلِيَّا كِبِيجِيَّانَ

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN  
1443H/2022M

**PERINGKAT AKHIR**

# Isi Kandungan

- 
- 5 Mesej Yang Berhormat  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- 7 Kata Alu-Aluan Pengarah Belia dan Sukan
- 9 Atur Cara Majlis
- 10 Latar Belakang
- 16 Biodata Qariah
- 26 Biodata Qari

- 
- 34** Jawatankuasa Jemaah Hakim
- 35** Senarai Maqra
- 36** Johan Qari & Qariah dari Tahun 1995 -2021
- 38** Ristaan Musabaqah Tilawatil Quran  
Belia Kebangsaan 2021
- 40** Piala Pusingan

# Mesej



**YANG BERHORMAT AWANG HAJI NAZMI BIN AWANG HAJI MOHAMAD**  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam Surah Al-Furqan, Ayat 6: "Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Al-Quran itu diturunkan oleh Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi. Sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Segala Pujian dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta para pengikut Baginda yang taat dan jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, dengan izin serta limpah kurnia rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi tahun 1443 Hijrah bersamaan 2022 Masihi dapat dilaksanakan dengan penuh kelancaran dan kejayaan.

Kita amat bersyukur dan bertuah kerana bernaung di bawah Raja yang sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan ugama Islam di negara ini terutamanya dalam hal ehwal pendidikan dan pembelajaran Al-Quran dalam kalangan generasi belia. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah bersempena dengan Sambutan Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1443 Hijrah bersamaan 2022 Masihi bahawa "Kita jangan sekali-kali lupa, bahawa Al-Quran adalah penunjuk jalan yang paling lurus untuk diikuti dan bahkan sebagai penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. Kerana itu Al-Qur'an mustahak dibaca dan difahami segala pengajarannya. Bagi kita yang melakukan ini, tidak diragukan lagi akan beroleh petunjuk dan keberkatan daripadanya."

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan yang diadakan ini amat bertepatan dengan hasrat murni Baginda yang demikian dan sekaligus memberikan peringatan nyata betapa pentingnya bagi kita untuk menjadikan amalan membaca Al-Qur'an itu sebagai budaya sepanjang zaman. Ertinya semua generasi kita, sama ada yang sedia ada mahu pun yang akan lahir kemudian adalah generasi-generasi yang membaca Al-Qur'an, yang sentiasa mengangkatnya sebagai Mukjizat Rasulullah yang paling agung sehingga akhir zaman, yang menerangi jiwa seluruh umat manusia sebagai suluh serta petunjuk untuk menegakkan yang ma'ruf dan menentang yang batil sehingga Hari Kebangkitan.

Oleh yang demikian, selaku generasi penerus yang bakal membawa Umat Islam ke masa hadapan yang semakin mencabar, golongan belia mempunyai tanggungjawab besar untuk sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai akhlak yang ditanzilkan dalam kitab suci Al-Quran dengan menyahut seruan Ilahi untuk melakukan amal dan mempratikkan semua pengajaran yang terkandung di dalamnya sebagai panduan kehidupan yang maha lengkap.

Semoga Majlis Musabaqah ini akan terus dijadikan sebagai wadah dalam melahirkan generasi belia Brunei yang benar-benar mencintai, menghayati dan memahami Kitab Suci Al-Quran. Kepada golongan belia, sama-samaalah kita menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dengan mendekatkan diri kepada Al-Quran dan seterusnya, menjadikannya sebagai petunjuk utama untuk menjadi insan yang berkualiti, beriman dan berakhlak mulia sejajar dengan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 dan yang lebih besar, Wawasan Brunei 2035.

Dalam kita melangkah dalam Fasa Endemik COVID-19, marilah kita terus membaca dan menghayati Kitab Al-Quran serta berpegang teguh kepadanya, agar meraih segala keberkatan khusus kepada negara dengan memperolehi keamanan, keselamatan serta kemakmuran sepanjang masa, insyaAllah.

Akhirnya, dalam kesempatan ini, saya sukacita merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada keseluruhan peserta yang menyertai Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1443/2022 dan khususnya, peserta yang berjaya ke peringkat akhir kebangsaan. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada semua Ahli Jawatankuasa serta setiap pihak yang terlibat dalam memastikan semua perancangan berjalan dengan sempurna. Mudah-mudahan usaha yang baik ini akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Amin Ya Rabbal Alamin.

## Kata Alu-Aluan



**HAJI MOHAMAD ROSFAZILAH BIN HAJI YUSLY**

Pemangku Pengarah Belia dan Sukan

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1443H/2022M

Negara Brunei Darussalam

**بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ**  
**السُّلٰامُ عَلٰيْكَ وَفَضْلُهُ كَيْلَيْكَ**

Alhamdulillah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sekali lagi berjaya mengungkayahkan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi tahun 1443/2022 dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Penganjuran musabaqah ini telah bermula sejak dua dekad yang lalu dan sehingga kini masih diteruskan kearah mensyiarakan agama rasmi negara dalam usaha untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir melalui kaedah penguasaan dan penghayatan bacaan Al-Quran khususnya dikalangan golongan belia.

Musabaqah ini juga dapat dijadikan sebagai wadah kearah melahirkan lebih ramai qari dan qariah belia di negara ini untuk mengembangkan bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum, selain untuk memupuk silaturrahim dan persahabatan melalui program-program keugamaan. Musabaqah ini juga adalah sebagai pemangkin bagi mendekatkan diri belia supaya mencintai kitab suci Al-Quran dengan memuliakannya melalui pembacaan yang baik dan memahami maksud yang terkandung serta meraih pahala dengan mengamalkannya dalam kehidupan harian.

Salah satu usaha pihak kementerian dalam meningkatkan lagi penguasaan para peserta dalam musabaqah kali ini adalah dengan memperkenalkan format baharu iaitu mewajibkan para peserta untuk membawakan lagu wajib di dalam bacaan mereka dengan menganjurkan program Kemahiran Ilmu Al-Quran (K.I.A.) yang bertujuan untuk meningkatkan mutu pertandingan dengan penyesaranan format sudut penilaian penghakiman di Peringkat Belia Kebangsaan dan Bahagian Dewasa Kebangsaan.

Seramai 61 peserta telah bersaing di Peringkat Saringan dan 27 peserta telah melangkah ke Peringkat Separuh Akhir. Daripada jumlah tersebut, seramai lapan peserta terbaik telah berjaya menempatkan diri untuk bertanding di Peringkat Akhir di samping seorang johan qariah sebagai johan menunggu menjadikan peserta-peserta Peringkat Akhir seramai sembilan orang. Sementara johan qari tahun lepas tidak dapat bertanding pada tahun ini disebabkan mempunyai komitmen dalam pengajian beliau di luar negara.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan musabaqah pada tahun ini iaitu khususnya Jawatankuasa Jemaah Hakim, Ahli Jawatankuasa Kerja, sukarelawan dan pihak individu yang banyak membantu ke arah kejayaan pada hari ini. Semoga sumbangan tersebut akan dibalas dengan ganjaran pahala yang setimpal jua. Syabas dan tahniah kepada peserta yang telah berjaya hingga ke Peringkat ini. Semoga mereka yang telah terlibat dalam menjayakan Musabaqah ini sama ada selaku peserta maupun ahli jawatankuasa akan memperolehi manfaat daripadanya. Ameen.

مِسَابَقَةِ تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ بِلِيَّا كِبِيعَتِيَانِ

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN  
1443H/2022M

PERINGKAT AKHIR

# Atur Cara Majlis

- 7.00 malam : Ahli Jawatankuasa dan Para Peserta hadir
- 7.30 malam : Para Jemputan hadir
- 8.00 malam : Tetamu Kehormat hadir  
Yang Berhormat Awang Haji Nazmi bin Awang Haji Mohamad  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam
- : Acara dimulakan
- : Bacaan Surah Al-Fatihah
- : Ucapan Alu-Aluan oleh Pengerusi Majlis  
Yang Mulia Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly  
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan
- : Ucapan Tetamu Kehormat  
Yang Berhormat Awang Haji Nazmi bin Awang Haji Mohamad  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam
- : Musabaqah Tilawatil Quran dimulakan
- Persembahan Belia  
Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran oleh
- : Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki  
Johan Qariah,  
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9, 1441H/2019M
- : Pengumuman Keputusan oleh Pengerusi Jemaah Hakim
- : Penyampaian Hadiah dan Cenderamata
- : Bacaan Doa Selamat  
Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan  
Pembantu Perkembangan Ugama  
Pusat Pembangunan Belia
- : Majlis bersurai

# Latar Belakang

## 1. LATAR BELAKANG

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ini adalah salah satu projek tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dikelolakan oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan. Ianya telah mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an lagi dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkualip dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, ianya juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau "tarannum".

## 2. TUJUAN

Tujuan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ialah:

- 2.1 Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1996 Masehi pada 1 Jamadilakhir, 1417 bersamaan 13 Oktober 1996. Di antara lain titah Baginda:-

"Hasrat kita yang tunggal ialah melihat generasi Al-Quran itu dikongsi sama oleh semua pihak dan golongan, terutama golongan belia. Kita akan merasa bangga dengan lahirnya belia-belia yang berwatak salih. Bahawa salah satu tanda kesalihan itu ialah terlibatnya mereka dengan Al-Quran sama ada keterlibatan itu selaku pembaca biasa, mahupun sekaligus menjadi penghayat dan pengamal ajaran-ajarannya."

- 2.2 Untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.
- 2.3 Untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran di kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.
- 2.4 Untuk memupuk dan menyemai rasa persahabatan di kalangan peserta belia melalui program keugamaan.
- 2.5 Untuk persediaan bagi pemilihan wakil Negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## 3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Musabaqah ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap yang memegang kad pintar warna ungu serta tidak memegang pasport negara-negara asing.

- 
- 3.2 Peserta-peserta hendaklah berumur di antara 15-30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1992 hingga 31 Disember 2007.
  - 3.3 Tidak pernah menjadi JOHAN pertandingan-pertandingan berikut:
    - I. Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia; atau
    - II. Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

#### 4. **FORMAT PERTANDINGAN**

- 4.1 Pertandingan ini mengandungi tiga peringkat iaitu:
  - 4.1.1 **PERINGKAT SARINGAN;**
    - 4.1.1.1 Peserta-peserta di peringkat ini bebas untuk memilih mana-mana maqra yang telah disediakan oleh pihak penganjur.
    - 4.1.1.2 Jumlah kuota peserta untuk memasuki peringkat Separuh Akhir ialah seramai 30 orang sahaja. Walau bagaimanapun, jumlah kuota Peringkat Separuh Akhir akan ditetapkan dengan persetujuan bersama Jawatankuasa Jemaah Hakim dan urus setia.
  - 4.1.2 **PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN;**
    - 4.1.2.1 Keramaian peserta di peringkat separuh akhir akan dimesyuaratkan oleh Jawatankuasa Jemaah Hakim dan pihak urus setia.
    - 4.1.2.2 Tarikh, tempat dan masa pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.
    - 4.1.2.3 Peserta dikehendaki membawakan satu (1) lagu wajib yang akan ditentukan melalui undian..
    - 4.1.2.4 Empat peserta teratas dari bahagian qari dan qariah di peringkat ini adalah layak untuk bertanding di peringkat Akhir Kebangsaan. Manakala Johan Qari dan Qariah tahun 2021 juga akan dijemput ke Peringkat Akhir Kebangsaan 2022 (jika masih memenuhi syarat-syarat penyertaan)
  - 4.1.3 **PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN;**
    - 4.1.3.1 Seramai sepuluh orang peserta iaitu lima qari dan lima qariah bertanding di peringkat ini termasuk Johan Menunggu Qari dan Qariah tahun 2021 (jika masih memenuhi syarat-syarat penyertaan).

- 
- 4.1.3.2 Tarikh, tempat dan masa pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.
  - 4.1.3.3 Maqra-maqra akan disediakan oleh pihak penganjur.
  - 4.1.3.4 Peserta dikehendaki membawakan dua (2) lagu wajib yang akan ditentukan melalui undian.
  - 4.1.3.5 Maqra, lagu wajib dan giliran membaca para peserta akan ditentukan melalui undian yang akan dijalankan sebelum hari pertandingan.

## 5. TEMPOH BACAAN DAN ISYARAT LAMPU

- 5.1 Tempoh membaca ialah 10 minit. Adapun perkiraan tempoh masa membaca bermula apabila peserta mula membaca ta'awwuz.
- 5.2 Peserta boleh memulakan bacaan setelah lampu hijau dinyalakan dan jemaah hakim akan mula menilai bacaan peserta.
- 5.3 Ketika bacaan masuk minit kelapan, lampu kuning dinyalakan dan lampu hijau dipadamkan, menandakan masa untuk membaca masih ada 2 minit, dan peserta dikehendaki bersedia untuk mengakhiri bacaan.
- 5.4 Apabila masa genap 10 minit, lampu merah dinyalakan dan lampu kuning dipadamkan, menandakan masa membaca telah tamat.

## 6. FORMAT PENGHAKIMAN

### 6.1 PERINGKAT SARINGAN


Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada enam orang iaitu;

- 1) Pengerusi Jemaah Hakim
- 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim/Hakim Ganti
- 3) Hakim Tajwid
- 4) Hakim Fasahah
- 5) Hakim Suara
- 6) Hakim Lagu

### 6.2 PERINGKAT SEPARUH AKHIR

Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada sebelas orang iaitu;

- 1) Pengerusi Jemaah Hakim
- 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim
- 3) Hakim Tajwid

- 
- 4) Hakim Tajwid
  - 5) Hakim Fasahah
  - 6) Hakim Fasahah
  - 7) Hakim Suara
  - 8) Hakim Suara
  - 9) Hakim Lagu
  - 10) Hakim Lagu
  - 11) Hakim Ganti

### 6.3 PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN

6.3.1. Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada sebelas orang iaitu:

- 1) Pengerusi Jemaah Hakim
- 2) Penolong Pengerusi Jemaah Hakim
- 3) Hakim Tajwid
- 4) Hakim Tajwid
- 5) Hakim Fasahah
- 6) Hakim Fasahah
- 7) Hakim Suara
- 8) Hakim Suara
- 9) Hakim Lagu
- 10) Hakim Lagu
- 11) Hakim Ganti

### 6.4 JAWATANKUASA LAGU WAJIB

6.4.1. Jawatankuasa Lagu Wajib akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada 4 orang iaitu:

- 1) Pengerusi
- 2) Timbalan Pengerusi
- 3) Ahli
- 4) Ahli

# *Qari dan Qariah*





**Nama** : Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri  
**Tarikh Lahir** : 11 Oktober 1993  
**Pendidikan** : Master of Management  
                  Bachelor of Arts in Sociology & Anthropology  
**Nama Bapa** : Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Adi  
**Nama Ibu** : Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd Manaf

#### **Tempat Berguru**

Ibu bapa sendiri

#### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

<b>Tahun</b>	<b>Pengalaman</b>
2021	- Johan Musabaqah Tilawah Quran Belia Kebangsaan
	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan
2020	- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Belia Kebangsaan
	Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan
2019	- Mendapat tempat keempat di Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) Ke-61
	Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan
	Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2018	Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Institut Pengajian Tinggi Serantau Sempena Mahrajan Hafli Al-Takharruj Ke-9 Universiti Sultan Sharif Ali
	Naib Johan Musabaqah Tilawatil Al-Quran Dewasa Kebangsaan
	Johan Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Kebangsaan

- 
- 2017 - Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
- 2014 - Finalis Musabaqah Tilawatil Al-Quran Dewasa Kebangsaan
- 2013 - Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan  
Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara
- 2012 - Johan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Senegara bagi Persatuan Pandu Puteri Kategori Pemimpin Muda  
Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
- 2011 - Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Asia Tenggara  
Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan

<b>Nama</b>	:	Nur Amal Atiqah @Aida binti Haji Sudirman
<b>Tarikh Lahir</b>	:	7 November 2000
<b>Pendidikan</b>	:	Menuntut Di Universiti Islam Sultan Sharif Ali
<b>Nama Bapa</b>	:	Haji Sudirman Bin Haji Metusin
<b>Nama Ibu</b>	:	Norlelawati Binti Abdullah

### **Tempat Berguru**

Ayah saya Haji Sudirman bin Haji Metusin, juga bapa saudara Hj Aslenan bin Haji Metusin, dan ibu saudara saya Hjh Norlaila binti Haji Metusin.

Mengikuti Skim Tilawah Al-Quran Remaja selama 3 tahun dari tahun 2015-2017. ( Berguru dengan Ustazah Hjh Rahimah Hj Abas dan Ustaz Zulhafiz bin Awg Tengah.

Ustazah Hjh Aminah Binti Haji Abdul Manap ( Kursus Tarannum Al-Quran ) pada tahun 2019.

Ustazah Hjh Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit ( Kursus Tarannum Al-Quran) pada tahun 2020-2021.

### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

<b>Tahun</b>	<b>Pengalaman</b>
2021	- Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan (1443H)
2021	- Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan (1442H)
2020	- Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan (1441H)
2019	- Finalis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2020	- Johan Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Belia & Beliananis Senegara
2020	- Johan Pertandingan Musabaqah Tilawatil Quran Secara Berkumpulan Senegara
2019	- Johan Pertandingan Zainul Quran Anjuran RTB

- 
- 2019 - Johan Pertandingan Tausyeh Bagi Pra U Dan IBTE
- 2019 - Tempat Ketiga Pertandingan Membaca Al-Quran Bagi Pelajar-pelajar Sekolah Arab
- 2019 - Pertandingan Nasyid Klasik Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah
- 2016 - Johan Pertandingan Hadrah Sekolah-sekolah Menengah
- 2015 - Johan Qariah Pertandingan Membaca Al-Quran Kategori BA bagi Sekolah-sekolah Arab
- 2015 - Pertandingan Rawi Bagi Pelajar-pelajar Sekolah Arab

<b>Nama</b>	:	Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd Rajid
<b>Tarikh Lahir</b>	:	26 April 2004
<b>Pendidikan</b>	:	Penuntut Tahun 11 , Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha
<b>Nama Bapa</b>	:	Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh
<b>Nama Ibu</b>	:	Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd Tahir

### **Tempat Berguru**

Yang Mulia Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh (Bapa Sendiri)

Yang Mulia Hajah Maidah binti Haji Abd Rahman

Yang Mulia Siti Huzaimah Yadey binti Haji Rosli

Yang Mulia Hajah Aminah binti Haji Abd Manap

Yang Mulia Haji Hazwan bin Haji Salim

Yang Mulia Haji Ibrahim bin Haji Sahat

Yang Mulia Haji Azulhanita bin Awang Haji Tarip

Skim Tilawah Al-Quran Remaja (2017-2020)

Kursus Qari Qariah Muda anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama

### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

<b>Tahun</b>	<b>Pengalaman</b>
2021	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2020	- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Mengikuti Bengkel Asas Tarannum Al-Quran Bagi Pelajar-Pelajar Pilihan Dari Skim Tilawah Al-Quran Remaja
Johan Musabaqah Menghafaz Ayat Suci Al-Quran Beserta Pemahaman Peringkat Kebangsaan (Kategori B)	
Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab Senegara	

- 
- 2019 - Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Belia Kebangsaan  
Mengikuti Kursus Qari-Qariah Muda Anjuran Bahagian Kemajuan Syiar Islam Dengan Kerjasama Pppq Mabims
- Mengikuti Kursus Tarannum Al-Quran Siri Ke-2 Anjuran Pusat Pengajian Dan Penyebaran Al-Quran Mabims
- 2018 - Naib Johan Musabaqah Menghafaz Ayat Suci Al-Quran Beserta Pemahaman Peringkat Kebangsaan

<b>Nama</b>	:	Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolazahar
<b>Tarikh Lahir</b>	:	30 Oktober 2003
<b>Pendidikan</b>	:	Pra U1- Ibnu Hisyam Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah
<b>Nama Bapa</b>	:	Pengiran Ainolazahar bin Pengiran Besar
<b>Nama Ibu</b>	:	Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli

### **Tempat Berguru**

Yang Mulia Ustazah Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli (2009 hingga sekarang)

Yang Mulia Ustaz Dato Haji Mohd Yussof bin Bakar (2020)

Yang Mulia Ustazah Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf (2019-2020)

Yang Mulia Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili (2019-2020)

Yang Mulia Haji Hazwan bin Haji Salim (2019-2020)

Yang Mulia Ustaz Dasrizal

Yang Mulia Ustaz Che Yahya

Yang Mulia Pg Amirul Aiman Pg Hj Marjuki

### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

<b>Tahun</b>	<b>Pengalaman</b>
2021	- Tempat Keempat Peserta Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir
2020	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir
2019	- Pingat Emas, mewakili Brunei Pada Majlis Tadarus Al-Quran anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat kebangsaan kali Ke-45 Jemputan Antarabangsa di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Pauh Putra Perlis.

- 
- 2018 - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir - Tempat Keempat.  
Pertandingan Zainul Qiran Peringkat Akhir. Anjuran Radio Televisyen Brunei  
- Naib Johan.  
Terpilih Mengikuti Skim Lanjutan di Skim Tilawah Al-Quran Remaja.
- 2017 - Pertandingan Membaca Al-Quran Anjuran Guru-Guru Tahun 2 (2017) Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) - Naib Johan.  
Mengikuti Kelas Skim Tilawah Al-Quran Remaja Tahun satu dan Dua.

<b>Nama</b>	:	Siti Nurnabilah binti Mejар (B) Haji Abdul Rahman
<b>Tarikh Lahir</b>	:	14 Jun 1993
<b>Pendidikan</b>	:	Master of Islamic Finance (University of Brunei Darussalam) Bachelor of Political Science and International Relations (Kyunghee University, South Korea)
<b>Nama Bapa</b>	:	Mejar (B) Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd Salleh
<b>Nama Ibu</b>	:	Pengiran Hajah Salbiah binti Pengiran Haji Mohd Salleh

#### **Tempat Berguru**

Ibu dan Bapa

#### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

<b>Tahun</b>	<b>Pengalaman</b>
2018	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan
2011	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
2010	- Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan



<b>Nama</b>	:	Abdull Muin bin Haji Abd Hamid
<b>Tarikh Lahir</b>	:	20 Jun 1999
<b>Pendidikan</b>	:	Faculty of Economic and Islamic Finance, Islamic Finance
<b>Nama Bapa</b>	:	Haji Abd Hamid bin Haji Mahmuddin
<b>Nama Ibu</b>	:	Dayang Anis binti Haji Duah

### **Tempat Berguru**

Ustaz Md Noor bin Haji Ibrahim

Ustazah Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli

Ustazah Hajah Aminah binti Haji Abd Manaf

### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

<b>Tahun</b>	<b>Pengalaman</b>
2011	- Naib Johan Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Sekolah Ugama dan Arab
2014	- Tempat Kedua Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Bahagian-bahagian Sekolah Menengah dan Maktab
2015	- Johan Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Bahagian-bahagian Sekolah Menengah dan Maktab
2016	- Tempat Kedua Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Bahagian-bahagian Sekolah Menengah dan Maktab
	Johan Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Bahagian-bahagian Sekolah Menengah dan Maktab
	Tempat Ketiga Peringkat Akhir Musabaqah Belia Kebangsaan
2017	- Tempat Ketiga Peringkat Akhir Musabaqah Belia Kebangsaan

2019 - Johan peringkat akhir musabaqah belia kebangsaan

Mewakili Negara musabaqah Tilawah alquran yang di anjurkan oleh negara Bahrain

Johan Musabaqah Alquran Institut pengajian tinggi sempena Festival Habibi Rasulullah SAW KUPUSB

Johan Musabaqah Alquran Se IPT serantau sempena mahrajan Haflut Takharuj ke 9 UNISSA

Johan Musabaqah Tilawah Aluran Belia Kebangsaan Senegara

Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia peringkat Asia Tenggara

<b>Nama</b>	:	Awang Haji Hazwan bin Haji Salim
<b>Tarikh Lahir</b>	:	8 Februari 1992
<b>Pendidikan</b>	:	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Al-Azhar Asy-Syarif, Kaherah Mesir
<b>Nama Bapa</b>	:	Haji Salim bin Haji Abdul Razak
<b>Nama Ibu</b>	:	Dayang Hajah Lina binti Haji Sirin

#### **Tempat Berguru**

Dato Paduka Haji Mohd Yusop bin Bakar (2018-Sekarang)  
 Ustaz Drs Hj Mustakim bin Haji Sariyun (2003-Sekarang)  
 Ustaz Haji Manan bin Haji Osman (2004-2005)  
 Ustaz Mohammad Noor bin Haji Ibrahim (2006-2011)  
 Ustaz Zul-Hafiz bin Awang Tengah (2012-Sekarang)  
 Ustaz Haji Daud bin Haji Abd Kadir (2018)  
 Ustaz Haji Abd Halim bin Fuad (2018-2019)  
 Ustaz Mohammad bin Ali (2020-Sekarang)  
 Ustaz Haji Hilmi bin Haji Salim (Abang Sendiri)  
 Ustazah Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli (2019)

#### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

<b>Tahun</b>	<b>Pengalaman</b>
2021	- Terpilih Ke Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 2022
2020	- Terpilih Ke Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 2021
2019	- Tempat Ke 4 Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan - Tempat Ke 4 Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan

- 2019 - Mewakili Negara Ke Jemputan Persembahan Bacaan Al-Quran Asean Di Thailand
- 2018 - Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
- 2012 - Johan Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Belia
- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Belia Peringkat Daerah Brunei Muara
- 2011 - Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Belia Peringkat Akhir Kebangsaan
- Johan Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Belia Peringkat Daerah Brunei Muara
- 2010 - Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Belia Peringkat Akhir Kebangsaan
- Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Bahagian Belia Peringkat Daerah Brunei Muara



**Nama** : Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib  
**Tarikh Lahir** : 20 Jun 1999  
**Pendidikan** : UNISSA  
**Nama Bapa** : Awang Abdul Habib bin Haji Mohd Jair  
**Nama Ibu** : Dayangku Hajah Norain binti Pengiran Haji Hitam

### **Tempat Berguru**

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Yusof Bin Bakar

Yang Mulia Ustaz Haji Suhaili

Yang Mulia Ustaz Haji Mustaqim

Yang Mulia Ustaz Qawiyuddin

### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

#### **Tahun**      **Pengalaman**

- |      |   |   |
|------|---|---|
| 2021 | - | Tempat Ketiga Peserta Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan                                      |
| 2019 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Sempena Jubli Perak Jame Asri                                   |
| 2019 | - | Mewakili Negara Brunei Darussalam Ke Maghribi Untuk Musabaqah<br>Hafazan 3 Juzuk dan Tilawah Al-Quran |



**Nama** : Awang Ahmad Termizie bin Ahmad Baihakie  
**Tarikh Lahir** : 16 Mei 2000  
**Pendidikan** : Bachelor Of Science in Biological Science (Sejak 2019)  
**Nama Bapa** : Awang Ahmad Baihakie bin Abdullah Gadong  
**Nama Ibu** : Dayang Hasnani binti Abdul Hadi

#### **Tempat Berguru**

Yang Mulia Haji Fikri bin Haji Metussin (Sejak 2019)

#### **Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

<b>Tahun</b>	<b>Pengalaman</b>
2020 -	Peserta Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2020



# Jawatankuasa Jemaah Hakim

BIL	NAMA	LANTIKAN
1.	Yang Mulia, Awang Haji Mohd Sujairi bin Haji Dollah	Pengerusi
2.	Yang Mulia, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof	Timbalan Pengerusi
3.	Yang Mulia, Awang Mohd Noor bin Haji Ibrahim	Setiausaha dan Hakim Ganti
4.	Yang Mulia, Haji Abdul Hafiez bin Haji Noh Al-Hafiz	Hakim Tajwid I
5.	Yang Mulia, Awang Muhammad Adlan Aziz bin Haji Yussop	Hakim Tajwid II
6.	Yang Mulia, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman	Hakim Fasahah I
7.	Yang Mulia, Awang Muhammad Aliman bin Haji Salim	Hakim Fasahah II
8.	Yang Mulia, Dato Paduka Awang Haji Mohd Yussof bin Bakar	Hakim Lagu I
9.	Yang Mulia, Ustaz Haji Mohd Zainul Arifin Ridwan Lubis	Hakim Lagu II
10.	Yang Mulia, Awang Haji Abdullah bin Lakim	Hakim Suara I
11.	Yang Mulia, Awang Haji Wasli bin Haji Abu Bakar	Hakim Suara II

# Senarai Maqra

BIL	SURAH	BERMULA AYAT	JUZ
1	AL-BAQARAH	83	1
2	AL-BAQARAH	122	1
3	AN-NISAA	79	5
4	AN-NISAA	123	5
5	AL-MAAIDAH	54	6
6	AL-A'RAAF	31	8
7	AT-TAUBAH	16	10
8	AL-QASAS	60	20
9	AD-DUKHAAN	17	25

# Johan Qari & Qariah

TAHUN	QARI	QARIAH
1995	Yang Mulia Awang Haji Rosli bin Haji Batang	Yang Mulia Dayang Norhalifah binti Haji Sulaiman
1997	Yang Mulia Awang Haji Aslenan bin Haji Metussin	Yang Mulia Dayang Amalina binti Khamis
1998		Yang Mulia Dayang Saripah binti Haji Takong
1999	Yang Mulia Awang Muhammad Hasrin bin Haji Khamis	Yang Mulia Dayang Hajjah Nor Zirwatul Fadillah binti Haji Khamis
2000	Yang Mulia Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu	Yang Mulia
2001		Dayang Nurul Akmalina binti Haji Yahya
2002		
2003	Yang Mulia Awang Zulhimi bin Haji Abidin	Yang Mulia
2004	Yang Mulia Awang Muhammad Fikri bin Haji Awang Metussin	Dayang Norezah binti Haji Md Deli
2005	Yang Mulia, Awangku Md. Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki	Yang Mulia Dayang Nurfaezah binti Haji Emran
2006	Yang Mulia Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Yang Mulia Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat
2007		Yang Mulia Dayang Hajah Siti Khadijah binti Haji Ibrahim
2008	Yang Mulia Awangku Md Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki	Yang Mulia Dayang Maizatun Nadzeerah binti Haji Md Daud
2009		Yang Mulia Dayang Nor Azriah binti Haji Abdul Aziz

TAHUN	QARI	QARIAH
2010	Yang Mulia Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Yang Mulia Dayang Maizatun Nadzeerah binti Haji Md Daud
2011	Yang Mulia Awang Hazwan bin Haji Salim	Yang Mulia, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2012	Yang Mulia, Awang Muhammad Sa'du bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2013	Yang Mulia Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri	Yang Mulia Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri
2014	Yang Mulia Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri	Yang Mulia Dayangku Fatin Nurhanani binti Haji Mohdar
2015	Yang Mulia Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki
2016	Yang Mulia Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri
2017	Yang Mulia Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2018	Yang Mulia Awang Abdull Muin bin Haji Abd Hamid	Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana bte Pengiran Haji Marjuki
2019	Yang Mulia Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2020	Awang Afiq Haririe bin Haji Awang Mat Daud	Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2021		



**Ristaan**  
MUSABAQAH TILAWATIL QURAN  
BELIA KEBANGSAAN 2021



# Piala Pusingan

Bagi Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam



## Johan Qari dan Qariah

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa  
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1443H/2022M  
mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan  
kerjasama, buah fikiran dan material bagi menjayakan majlis ini terutama sekali kepada:

Tetamu Kehormat Majlis  
Yang Berhormat Awang Haji Nazmi bin Awang Haji Mohamad  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Negara Brunei Darussalam

Para Tetamu Khas dan Jemputan-Jemputan

Ibu bapa / Penjaga Peserta Qari dan Qariah

Radio Televisyen Brunei  
Jabatan Penerangan  
JABATAN PERDANA MENTERI

Pusat Dakwah Islamiah  
Jabatan Hal Ehwal Masjid  
Bahagian Kemajuan Syiar Islam  
Jabatan Pengajian Islam  
Bahagian Kemajuan Syair Islam  
Bahagian Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan [KUPUSB]  
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BRUNEI

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi [JASTRE]  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dan kepada sesiapa jua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan  
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1443H/2022M [Peringkat Akhir]



بلیا کیت ماس دفن کیت  
Our Youth Our Future

[www.belia-sukan.gov.bn](http://www.belia-sukan.gov.bn)



Jbs.bn



jabatan belia dan sukan